

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]



Fry (dua dari kanan) pada Persidangan dan Pameran Unjuran Harga Minyak Sawit dan Laurik 2019, di Kuala Lumpur, semalam.



harga minyak mentah menentukan arah aliran harga MSM, manakala paras stok MSM menentukan premium kepada harga minyak mentah Brent”

James Fry,
Pengerusi LMC International Ltd

Harga MSM diunjur RM2,360 satu tan

Harga minyak sawit mentah (MSM) dijangkakan meningkat kepada antara RM2,240 dan RM2,360 satu tan tahun ini jika penanda aras minyak mentah Brent terus didagangkan antara AS\$60 dan AS\$65 satu tong, kata Pengerusi LMC International Ltd, Dr James Fry.

Pakar industri minyak sawit itu berkata, harga minyak mentah menentukan arah aliran harga MSM, manakala paras stok MSM menentukan premium kepada harga minyak mentah Brent.

Beliau berkata, hubungan rapat antara stok MSM dan premium MSM Kesatuan Eropah kepada harga minyak mentah Brent, bermakna paras stok yang lebih rendah akan menaikkan premium, yang kini mencatatkan AS\$70 satu tong.

“Harga minyak mentah Brent pada AS\$70 setong pada masa

ini memberi petunjuk bahawa aliran jalur harga MSM Kesatuan Eropah adalah pada AS\$510 atau RM1,950 satu tan pada kadar tukaran semasa,” katanya pada sesi pleno bertema ‘Sawit dan Minyak Utama’ yang berlangsung sempena Persidangan dan Pameran Unjuran Harga Minyak Sawit dan Laurik 2019 (POC2019) selama tiga hari di Kuala Lumpur, semalam.

Stok minyak sawit global

Sementara itu, Fry juga mengunjurkan stok minyak sawit global akan berkurangan sebanyak 1.0 juta kepada 1.5 juta tan tahun ini, dengan syarat Indonesia dan Malaysia masing-masing meneruskan mandat biodiesel B20 dan B10.

“Ini tambahan daripada penurunan stok bermusim sehingga Jun tahun ini,” katanya.

Fry juga menjangkakan pertumbuhan pengeluaran MSM lebih perlahan di Indonesia tahun ini memandangkan negara itu dijangka menambah permintaan ke atas biojisim MSM sekurang-kurangnya 1.5 juta tan.

“Selain itu, pengurangan dalam aktiviti pemprosesan minyak kacang soya di China bermakna minyak sawit perlu mengisi kekurangan minyak soya negara itu,” katanya.

China kini mengurangkan import kacang soya dan aktiviti pemrosesannya susulan perang perdagangan China-Amerika Syarikat (AS) dan penularan selesema burung Afrika di China yang mungkin membuka pasaran China untuk import minyak sawit yang lebih besar.

Pengarah Bersekutu Macquarie Commodities Trading

(Shanghai) Co Ltd, Ryan Chen, berkata import minyak sawit China dijangkakan berkembang 14.2 peratus tahun ke tahun kepada 6.2 juta tan pada 2019.

Pertumbuhan terbesar

“Ini mungkin pertumbuhan terbesar sejak 10 tahun lalu yang sebahagian besar berpunca daripada selesema babi serta harga MSM kompetitif berbanding minyak sayuran lain,” katanya.

Bertema ‘Mengurus Ketidaktentuan, Rebut Peluang Global’, POC2019 berakhir semalam dianjurkan Bursa Malaysia Derivatives Bhd (BMD) dan dihadiri pakar industri utama tempatan dan antarabangsa yang berkongsi penilaian serta analisis mengenai pembangunan selain cabaran yang memberi kesan ke atas minyak sawit dan laurik pada 2019.

BERNAMA

7/3/19 B/HARIAN M8 55